



59

Fax: 237605

Telefon: 252692

KEMENTERIAN KEWANGAN  
(MINISTRY OF FINANCE)  
WISMA KEWANGAN  
88593 KOTA KINABALU  
SABAH, MALAYSIA

(Sila sebutkan Bil. Fail Kami)

NEGERI SABAH, MALAYSIA

Ruj. Tuan:  
FC:1007/233/(55)

Ruj. Kami:  
3 Januari 1997

Tarikh:  
(Date)

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**PEKELILING KEWANGAN NO. 1/97**  
**PER: PEROLEHAN KOMPUTER SECARA 'AD HOC'**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Datuk/Tuan/Puan bahawa sebuah Jawatankuasa Khas Perolehan Komputer secara 'Ad Hoc' telah ditubuhkan untuk mempertimbangkan permohonan bagi perolehan komputer yang bernilai tidak melebihi RM50,000.00. Jawatankuasa ini adalah diletakkan di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Kerja Penggunaan Komputer Sektor Awam Negeri yang bertanggungjawab kepada Majlis Teknologi Maklumat Sabah (SITC).

2. Bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan terhadap perolehan komputer beberapa langkah telah digariskan di bawah seperti berikut:

2.1 Setiap permohonan hendaklah menyatakan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Objektif permohonan;
- (b) Butiran perkakasan (hardware), perisian (software) dan peralatan komputer lain yang diperlukan berserta kuantitinya; dan
- (c) Anggaran kos yang terlibat.

.../2-

- 2.2 Sejurus permohonan diterima dimana perlu, Pegawai Teknikal daripada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan dihantar untuk mendapatkan maklumat terperinci untuk melakukan penelitian terhadap sistem komputer yang wujud (jika ada) dan menilai terhadap permohonan yang dikemukakan serta memastikan keperluan terhadap peralatan komputer yang dipohon.
- 2.3 Laporan penilaian akan dipertimbangkan seterusnya dan keputusan akan dibuat dalam jangka masa dua (2) minggu daripada tarikh surat permohonan diterima.
- 2.4 Kementerian Kewangan akan menguruskan perolehan peralatan komputer yang diluluskan.
3. Perolehan menerusi 'Ad hoc' ini adalah merupakan cara sementara sahaja untuk peralihan masa sebelum rangka pengkomputeran Sektor Awam yang lebih konkret diterimapakai. Oleh itu semua permohonan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Jawatankuasa berkenaan (alamat seperti di bawah) sebelum penghujung bulan Mac 1997. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

**Setiausaha Jawatankuasa Khas Perolehan Komputer secara Ad Hoc  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,  
Tingkat 1, Blok A, Wisma Kewangan,  
88999 KOTA KINABALU**

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan sertamerta.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

*URD* *qy*  
 (DR. MOHD. FOWZI BIN HAJI RAZI)  
 Setiausaha Tetap

- s.k. Bendahari Negeri,  
 Jabatan Bendahari Negeri,  
**KOTA KINABALU**
- s.k. Pengarah  
 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
**KOTA KINABALU**